

10 NOV 1996

Mahathir-Timor

PM SELAR NGO INGKAR LARANGAN SIDANG TIMOR TIMUR

Oleh: Rachman Nordin

ACCRA (Ghana), 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar penganjur persidangan mengenai Timor Timur di Kuala Lumpur yang mengingkari keputusan Kabinet tidak mengizinkan ia diadakan di Malaysia.

"Sepatutnya mereka ikutlah apa yang kerajaan telah tentukan. Kita tidak hendak berbuat sesuatu yang cuma akan merosakkan hubungan kita dengan jiran kita. Ini satu perbuatan yang tidak bertanggung jawab," kata beliau.

Kerajaan akan mengambil tindakan jika pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menganjur persidangan itu didapati melanggar undang-undang, katanya di sini pada Sabtu kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan rasmi Perdana Menteri ke sini.

Dr Mahathir diminta mengulas peristiwa Barisan Bertindak Rakyat Malaysia (BBRM) yang antaranya terdiri daripada anggota Pemuda Umno, MCA, MIC dan Majlis Belia Malaysia merempuh masuk Hotel Asia di Kuala Lumpur bagi menghalang berlangsungnya persidangan mengenai Timor Timur semalam.

Beliau memberi ulasan itu selepas berucap pada perjumpaan para usahawan Malaysia dan Ghana pada satu jamuan tengah hari di sini.

Kabinet baru-baru ini membuat keputusan tidak mengizinkan persidangan itu diadakan di Kuala Lumpur.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap NGO yang mengingkari keputusan kerajaan itu, Dr Mahathir berkata: "Kalau dia langgar undang-undang kita akan ambil tindakan."

Perdana Menteri mempersoalkan kebijaksanaan menganjurkan persidangan itu kerana menurut beliau masalah Timor Timur tidak akan diselesaikan dengan cara itu.

Beliau menyoal apakah yang boleh dicapai ke arah penyelesaian masalah Timor Timur dengan mengadakan "demonstrasi atau dengan mengadakan seminar."

"Takkan dengan cara itu Timor Timur dapat dibebaskan atau apa yang dituntut boleh dilakukan," katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ke sini mengesahkan kepada wartawan Malaysia bahawa beliau mengarahkan Pemuda Umno bertindak menghentikan persidangan itu.

Katanya tindakan itu demi menjaga imej Malaysia dan kerana prihatin Pemuda Umno terhadap "sensitiviti Indonesia dalam menangani masalah dalaman negara itu."

Zahid menyifatkan sikap beberapa NGO menganjur persidangan itu mengingkari larangan kerajaan sebagai "kurang ajar dan memperlihatkan campurtangan NGO dengan urusan dalam negeri Indonesia."

Pemuda Umno meminta Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan jangka panjang dan mengenakan sekatan terhadap NGO yang hendak "menunjukkan belang yang mereka lebih berkuasa daripada kerajaan."

Zahid berkata: "Saya mengeluarkan beberapa arahan dari Ghana kepada Saifuddin Nasution Ismail, Penolong Setiausaha Pemuda Umno dan juga setelah berbincang dengan anggota Exco Pemuda yang lain supaya dihalang persidangan itu."

Menjawab soalan pemberita, Zahid mempertahankan tindakan Pemuda Umno itu sebagai tindakan yang tidak mengikut emosi atau yang membelakangkan undang-undang tetapi ianya satu tindakan politik.

"Tidak. Kita tidak membelakangkan undang-undang. Kita pandang penganjuran persidangan itu sebagai haram. Kita menghalang persidangan

haram," kata beliau.

Pemuda Umno mengingatkan NGO antarabangsa bahawa kepentingan kejiranan Malaysia lebih penting daripada kepentingan mereka, katanya.

Zahid menolak tanggapan kononnya implikasi daripada tindakan Pemuda Umno itu akan menjejaskan imej antarabangsa Malaysia kerana menurutnya negara sudah biasa menghadapi masalah yang ditimbulkan NGO sebelum ini.

Kepada NGO dalam negeri pula, Zahid mengingatkan para pemimpin dan anggotanya supaya menghormati larangan dan pendirian kerajaan tidak mengizinkan persidangan seumpama itu dianjurkan di Malaysia.

Dalam konteks menghormati sensitiviti Indonesia mengenai isu Timor Timur demi hubungan baik Malaysia dengan negara itu Pemuda Umno berpendapat "cubit peha kiri peha kanan sakit juga", katanya.

-- BERNAMA

RN RON